

18 SEP 1998

KOMANWEL : DR MAHATHIR BUKTI KEMAMPUAN MENEMBAK

LANGKAWI, 18 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membuktikan kemampuan beliau dalam acara menembak air rifle dengan hampir mendapat mata penuh.

Perdana Menteri mencatat 8.4 mata dalam percubaan pertama dan 9.7 mata pada kali kedua, hanya 1.2 mata daripada mata maksimum 10.9.

Dr Mahathir menggunakan raifal milik Nurul Huda Baharin yang sebelum itu memenangi emas acara berkenaan pada Sukan Komanwel ke 16 yang sedang berlangsung di Lapang Sasar Menembak Antarabangsa Langkawi.

Nurul Huda yang turut memecahkan rekod kejohanan, kemudian menurunkan tandatangannya pada kertas markah Dr Mahathir sebelum menyerahkannya kepada Perdana Menteri.

Dr Mahathir juga menemui skuad menembak kebangsaan dan turut mengucapkan tahniah kepada seorang lagi penembak negara Zainal Abidin Md Zain yang menang perak acara full bore rifle hari ini.

-- BERNAMA

JM ZI MAI